

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR HJ DZULKEFLY AHMAD  
[ KUALA SELANGOR ]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [ KUALA SELANGOR ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah statistik terkini penerima PeKa B40, dan apakah pelan Kementerian untuk menambah baik pelan sedia ada terutamanya dari segi ketersampaian kepada penduduk golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Skim PeKa B40 mula dilaksanakan pada 15 April 2019 di seluruh negara sebagai projek perintis untuk kumpulan B40 yang merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya yang berdaftar, dan berumur 40 tahun dan ke atas.

2. PeKa B40 menawarkan empat (4) manfaat iaitu Manfaat 1: Saringan Kesihatan, Manfaat 2: Bantuan Alat Perubatan, Manfaat 3: Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser dan Manfaat 4: Insentif Tambang Pengangkutan.

3. PeKa B40 telah memanfaatkan rakyat dari kumpulan B40 khususnya dalam membantu menampung keperluan kesihatan bagi kumpulan ini. Sehingga 31 Oktober 2020, seramai :

a. 434,277 penerima telah menjalankan saringan kesihatan di bawah **Manfaat 1**;

- b. 13,514 permohonan diluluskan bagi **Manfaat 2**;
- c. 3,916 permohonan diluluskan bagi **Manfaat 3**; dan
- d. 13,039 permohonan diluluskan bagi **Manfaat 4**.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berusaha menambahbaik skim PeKa B40 termasuklah meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan kesihatan yang diterima. Melalui skim ini, audit perubatan dibuat ke atas pengamal perubatan primer dan juga meneliti kos efisiensi pembelian peralatan kesihatan melalui rundingan harga dengan pembekal untuk mendapatkan kos yang terbaik.

5. Selain itu, KKM juga berusaha untuk menjalankan projek rintis Program Wellness PeKa B40 (dengan izin) dan ini adalah satu inisiatif untuk mempromosikan cara hidup sihat di kalangan penerima PeKa B40 yang belum mempunyai penyakit tidak berjangkit. Objektif Program *Wellness* adalah bagi memastikan mereka kekal sihat selaras dengan usaha KKM untuk mencegah dan mempromosikan kesihatan yang menjadi salah satu tunggak utama dalam Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) 2020-2030.

6. Kerajaan juga telah menambah peruntukan skim PeKa B40 hampir dua kali ganda dari jumlah asal (iaitu RM130 juta berbanding RM70 juta) dan dengan ini, lebih ramai lagi rakyat kumpulan B40 dapat menikmati manfaat yang ditawarkan.

7. Usaha PeKa B40 tetap diteruskan dengan mematuhi SOP semasa yang berkuatkuasa bersama Jabatan Penerangan, organisasi bukan Kerajaan (NGO), promosi dan perkongsian maklumat menerusi media sosial PeKa B40 seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* khusus untuk ahli keluarga penerima yang aktif media sosial. Pelaksanaan aktiviti saringan kesihatan PeKa B40 masih dijalankan oleh klinik kesihatan kerajaan dan klinik perubatan swasta umum (GP) PeKa B40.

Sekian, terima kasih.